

# Perkara 55 dan Prorog

Oleh KHAIRUL AZLAM MOHAMAD

KUALA TERENGGANU: Pakar Perlembagaan menyebut Perkara 55 yang menyentuh prosiding Parlimen berhubung dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk memanggil, memprorog atau membubarkan Parlimen, tertakluk kepada Perkara 40 (1).

Profesor Madya Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dato' Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain berkata, kuasa Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 55 tertakluk pada Perkara 40 (1) iaitu dilaksanakan oleh baginda di atas nasihat Jemaah Menteri atau Menteri yang menjalankan kuasa amnya bagi hal tersebut.

Katanya, Yang di-Pertuan Agong perlu bertindak di atas nasihat sama ada untuk memanggil, memprorog atau membubarkan Parlimen dalam keadaan biasa, melainkan berlaku situasi berikut.

"Pertama, Pembubaran Parlimen di bawah Perkara 43 (4), iaitu Yangdi-Pertuan Agong memperkenankan permintaan Perdana Menteri yang dipelati oleh baginda hilang kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat.

"Situasi kedua, jika dalam keadaan darurat," ujarnya selaku Pengasas Jurisprudens Watan kepada *Harakah*, baru-baru ini.

Menurutnya, bagi mengenal pasti sama ada suatu kuasa itu jatuh di bawah budi bicara Yang di-Pertuan Agong atau baginda perlu bertindak di atas nasihat, rujukan hendaklah dibuat kepada kaedah tersebut.

"Pertama dalam Perkara 40 (2) dan kedua, peruntukan penuh setiap Perkara yang menjadi subjek rujukan," jelasnya.

Selain peruntukan jelas dalam Perkara 40 (2), katanya jika peruntukan ada menyebut, misalnya, Yang di-Pertuan Agong hendaklah "berpuashati" maka itu menunjukkan suatu pertimbangan ditupuskan oleh baginda atas permintaan Jemaah Menteri atau pihak yang dinamakan.

Memurutnya, istilah "permintaan" bermaksud Yang di-Pertuan Agong tidak bertindak di atas nasihat dan sebagai contoh mudah terkandung dalam Perkara 43 (4).

"Isu kedua yang sering diperkatakan berhubung dengan Perkara 55, ialah maksud istilah "prorog" atau dalam bahasa Inggeris, "prorogue".

"Akhir-akhir ini istilah "prorog" dipoparkan sebagai satu kaedah untuk menyelesaikan isu politik dengan niat untuk menggantung Parlimen.

"Seperi disebut di atas, "prorog" termaktub dalam Perkara 55 di bawah Fasal (2) Perlembagaan Persekutuan



Dato' Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain

bawahan Yang di-Pertuan Agong boleh memprorog Parlimen," ujarnya.

Wan Ahmad Fauzi menjelaskan, kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk memprorog Parlimen selain bertindak di atas nasihat juga tertakluk pada Perkara 55(1), iaitu tidak boleh melebihi tempoh enam bulan dari tarikh mesyuarat terakhir Parlimen.

Justeru, katanya Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Jemaah Menteri atau Menteri yang diberi kuasa, boleh memprorog atau memberhentikan mesyuarat Parlimen pada bila-bila masa dan peringkat.

Menurutnya, apabila persidangan Parlimen dihentikan sama ada mengikut jadual asal atau lebih awal dalam penggalnya maka itu dinamakan "prorog".

"Prorog ialah pemberhentian mesyuarat Parlimen. Ini juga bermakna Yang di-Pertuan Agong perlu menitahkan Parlimen bersidang semula dalam tempoh tidak melepas enam bulan dari tarikh mesyuarat terakhir dalam penggal yang lepas.

"Prorog semasa mananya prosiding sedang berjalan dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan walaupun tidak menjadi amalan. Prorogue pernah juga berlaku untuk memberi lajuan Sidang Khas bagi membahaskan isu Palestin pada masa dahulu.

"Lazimnya prorog diperakukan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam bentuk pemasyhuran sebelum bermulanya penggal baharu bagi pemberitaan rasmi penggal lepas berakhir serta diikuti dengan panggilan mesyuarat penggal baharu," jelasnya.

Beliau berpendapat, prorog bukanlah amalan luar biasa dalam prosiding parlimen dan jika penggal baharu Parlimen bermula, titah pembukaan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Perkara 60.



Penggal baharu Parlimen bermula dengan titah Pembukaan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Perkara 60.

Kata Wan Fauzi, berbeza dengan penggantungan Parlimen bermula penggal baharu bagi pemberitaan rasmi penggal semasa Parlimen dibubarkan, tiba-tiba darurat dilisytharkan atau sebaliknya.

"Maksudnya, penggantungan Parlimen hanya boleh berlaku jika pembubaran dan darurat dalam waktu yang sama.

"Hal ini pernah berlaku akibat Peristiwa 13 Mei 1969. Parlimen dipanggil bersidang semula pada 20 Februari 1971, manakala

darurat 1969 hanya dibatalkan pada 20 Disember 2011.

"Sekiranya darurat dilisytharkan ketika Parlimen belum dibubarkan, Yang di-Pertuan Agong perlu membentang pemasyhuran Ordinan di kedua-dua Dewan Parlimen jika, Majlis Parlimen boleh bersidang serentak serta suatu ordinan itu tidak perlu disegekan," tegasnya.

Oleh itu, katanya Parlimen tidak tergantung dengan hanya proklamasi darurat dan boleh berjalan seperti biasa.

"Keputusan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah

Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah tidak memperkenan permintaan Perdana Menteri,

Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mengisytharkan darurat tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

"Hal demikian kerana itu merupakan prerogatif Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150. Bahkan, 150 (8) menetapkan bawahan "kepuasan hati" Yang di-Pertuan Agong seperti disebut dalam Fasal (1) dan Fasal (2B) adalah muktamad dan tidaklah boleh dicabar atau dipersoal di dalam mana-mana Mahkamah atas apa-apa alasan," jelasnya.